



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**


NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR3013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang OMR
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **SEPULUH (10)** soalan

Jawab **SEMUA** soalan

Sila guna borang OMR yang disediakan

1. Apakah faktor yang mampu meningkatkan semangat usahawan?
 - A Faktor perubahan cuaca.
 - B Faktor perubahan musim.
 - C Faktor demografi dan ekonomi.
 - D Faktor perubahan waktu dan masa.

2. Apakah keburukan memiliki perniagaan?
 - A Pendapatan yang seimbang.
 - B Kehidupan yang sederhana.
 - C Masa kerja yang singkat dan mudah.
 - D Mampu memberi keuntungan yang maksimum.

3. Apakah faktor yang menyumbang kepada kegagalan sesebuah perniagaan?
 - A Kurang bertenaga.
 - B Menindas pelanggan.
 - C Kekurangan pengalaman.
 - D Bertanggungjawab secara keseluruhan.

4. Apakah ciri-ciri perlakuan usahawan pada zaman Rasulullah?
 - A Suka pada harta terkumpul.
 - B Hidup dalam kesederhanaan.
 - C Kepimpinan dalam bidang perniagaan sahaja.
 - D Menggunakan pengaruh untuk kepentingan diri sendiri.

5. Yang manakah **tidak benar** tentang langkah dalam mengenalpasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan?
- A Memilih peluang perniagaan yang wujud.
 - B Menenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan.
 - C Menganalisis data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan.
 - D Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat.
6. Apakah perkara yang perlu dilakukan usahawan dalam menganalisa persekitaran, membuat penilaian dan menilai masyarakat?
- A Mengetahui citarasa kini dan cuba menerima sambil membekalkan barang-barang yang lama.
 - B Melakukan analisa dan kaji selidik serta menyimpan data tersebut dan tidak melakukan apa-apa.
 - C Melakukan kaji selidik tetapi tidak membuat semakan semula bagi mengesahkan data-data yang diperolehi
 - D Mengetahui tentang keadaan penduduk, pendapatan serta cita rasa semasa bagi membolehkan usahawan itu mengetahui keperluan dan kehendak masyarakat
7. Apakah akta yang ditetapkan bagi mendaftarkan sesebuah perniagaan?
- A Akta Pendaftaran Perniagaan 1955.
 - B Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
 - C Akta Pendaftaran Perniagaan 1957.
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1958.
8. Apakah faktor untuk memilih lokasi perniagaan?
- i. Jarak dari bekalan bahan.
 - ii. Berhampiran dengan bekalan tenaga dan pekerja.
 - iii. Jarak dari pasaran.
 - iv. Jenis tanah.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

9. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua, iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Apakah kategori segmen pemasaran tersebut?
- A Aktiviti
 - B Geografi
 - C Demografi
 - D Psikografik
10. Kos per unit penimbang ialah RM200.00 dan peratus 'mark up' yang ditetapkan ialah 10%. Harga pasaran kalkulator ialah RM230.00. Berapakah harga penimbang untuk dijual jika penjual menggunakan kaedah harga berdasarkan kos (cost based pricing)?
- A RM200.00
 - B RM210.00
 - C RM220.00
 - D RM230.00

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan

SOALAN 1

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tunggak kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, memahami usahawan dan keusahawanan merupakan asas bagi menjana kesedaran dan kepentingan bidang ini dalam pembangunan negara.

- a) Berikan definisi usahawan. (2 markah)
- b) Huraikan **empat (4)** kelebihan memiliki perniagaan (8 markah)

SOALAN 2

En Hamidi ingin menjalankan perniagaannya seorang diri. Beliau tidak suka berkongsi dengan orang lain. Beliau juga lebih suka menguruskan perniagaannya sendiri. Namun, beliau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menubuhkan perniagaan. Sebagai seorang konsultan perniagaan, anda diberi tanggungjawab untuk membantu En. Hamidi menubuhkan perniagaan beliau.

- a) Nyatakan **dua (2)** bentuk perniagaan yang boleh diwujudkan oleh En Hamidi. (2 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** ciri bagi setiap bentuk perniagaan yang dinyatakan di atas. (4 markah)
- c) Apakah perniagaan yang sesuai untuk En Hamidi dan cadangkan jawapan anda. (2 markah)

SOALAN 3

Jadual di bawah menunjukkan perniagaan, risiko dan pulangan

PERNIAGAAN	RISIKO	PULANGAN
GERAI MAKANAN		
MINI MARKET		
HOTEL		

Jadual 1

Berdasarkan jadual di atas:

- Nyatakan risiko dan pulangan bagi setiap perniagaan di **Jadual 1**.
(6 markah)
- Terangkan maksud perkhidmatan.
(2 markah)
- Terangkan maksud kehendak.
(2 markah)

SOALAN 4

Pemasaran merupakan satu bahagian penting dalam perniagaan. Pemasaran yang berkesan akan memberikan impak kepada jualan bulanan sesebuah perniagaan.

- Senaraikan langkah untuk menentukan ramalan jualan.
(4 markah)
- Huraikan **empat (4)** strategi pemasaran
(8 markah)

SOALAN 5

- a) Huraikan maksud buruh langsung dan buruh tidak langsung dan contoh.
(4 markah)
- b) Sumber pembiayaan terbahagi kepada tiga. Berikan contoh pembiayaan bagi setiap bahagian dan nyatakan pihak yang mengeluarkan pembiayaan tersebut.
(6 markah)

[50 markah]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam buku jawapan yang disediakan

SOALAN 1

- a) Berikut adalah proses untuk membuat baju di kedai membuat baju di Segamat.
- i. Pembelian bahan kain
 - ii. Simpanan bahan
 - iii. Pemeriksaan kualiti
 - iv. Pemotongan kain
 - v. Pindahkan kain ke bahagian jahitan
 - vi. Pemeriksaan kain dengan tempahan yang dibuat
 - vii. Proses menjahit
 - viii. Menggosok
 - ix. Pembungkusan
 - x. Simpanan sebelum jualan

Keperluan

Sediakan carta alir bagi proses membuat baju.

(10 markah)

- b) Pak Wahab telah membuat sebuah van untuk tujuan perniagaan. Van tersebut telah dibiayai dengan ansuran sewa beli seperti maklumat di bawah

Jumlah pembiayaan	:	RM70, 000
Kadar	:	8%
Jangka masa	:	10 tahun
Kaedah	:	Tahunan berkurangan

Keperluan:

Sediakan jadual bayaran balik ansuran sewa beli sehingga tahun 5

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Syarikat Cuci–Cuci Bas mendapat tawaran mencuci 500 buah bas sebulan pada harga RM100.00 bagi seunit bas. Spesifikasi kerja yang dinyatakan adalah menyembur, membasuh dengan syampu keseluruhan badan dan menggilap dengan menggunakan bahan penggilap.

Bil	Perkara	Harga (RM)
1	Syampu	1,200
2	Bahan penggilap	1,800
3	Gaji penyelia	2,000
4	Upah pekerja	12,500
5	Sewa tapak	1,200
6	Bil air	1,400
7	Bil elektrik	1,200
8	Span dan berus	900
10	Belanja runcit	850

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- i. Kos bahan (2 markah)
- ii. Kos buruh langsung (1 markah)
- iii. Kos tidak langsung (3 markah)
- iv. Jumlah kos operasi (2 markah)
- v. Keuntungan seunit perkhidmatan (2 markah)

- b) Berikut merupakan maklumat kewangan untuk Kedai Amsyar bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

	RM
Bekalan pejabat	20,000
Perjalanan dan pengangkutan	40,000
Pengiklanan	60,200
Utiliti	200,000
Kos barang dijual	300,000
Komisyen dan Bonus jualan diterima	30,000
Jualan	1,300,500
Gaji dan upah pejabat	450,300
Faedah sewabeli	10,500
Faedah pinjaman	9,000

Zakat adalah 2.5% ke atas keuntungan dan cukai adalah 28% ke atas keuntungan selepas cukai

Keperluan

Sediakan Proforma Penyata Untung Rugi bagi Kedai Amsyar bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

(10 markah)

SOALAN 3

Puan Norliana Zaini merancang hendak memulakan perniagaan kedai menjual kek di Taman Tampoi Utama. Selepas menjalankan kajian pasaran dikalangan pelajar Sekolah Pengurusan dan Sains Sosial KYPJ yang merupakan sasaran pasarannya, Puan Norliana Zaini bercadang menyediakan rancangan perniagaan bagi penilaian projek ini. Beliau merancang memulakan operasi pada 2 Januari 2018. Walaubagaimanapun, beliau memerlukan bantuan dalam penyediaan rancangan perniagaan tersebut. Maklumat yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. Puan Norliana Zaini bercadang membeli peralatan sejumlah RM78,150 dengan pembiayaan melalui sewa beli dan beliau perlu membayar deposit sejumlah 20% dari jumlah kos.
- b. Puan Norliana Zaini bercadang membawa van beliau dengan harga pasaran RM22,500 sebagai aset perniagaannya.
- c. Beliau juga bercadang membuat pengubahsuaian ke atas aset tetap sejumlah RM16,500
- d. Puan Norliana Zaini juga menjangkakan perbelanjaan bulanan mengikut bahagian – bahagian yang berkaitan adalah seperti berikut
 - i. Pentadbiran RM13,175
 - ii. Pemasaran RM375
 - iii. Operasi RM30,775
- e. Modal kerja disediakan untuk tempoh TIGA bulan untuk memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.
- f. Pendaftaran perniagaan adalah sejumlah RM375 dan insuran sejumlah RM2,000
- g. Puan Norliana Zaini juga perlu membayar deposit untuk sewaan kedai sejumlah RM5,500 dan deposit untuk pelbagai utiliti sejumlah RM1,800.
- h. Puan Norliana Zaini juga menjangkakan kos luar jangka atau kontingensi adalah 10% dari jumlah kos.
- i. Bagi membiayai projek ini Puan Norliana Zaini bercadang membuat pinjaman perniagaan sejumlah RM150,000 dengan Bank Pembangunan yang mengenakan faedah 5% setahun dan menggunakan duit simpanan sejumlah RM52,000 sebagai tambahan membiayai projek ini.

- j. Susutnilai ke atas semua jenis aset ialah pada kadar 10% ke atas kos.
- k. Beliau menjangkakan jualan tahunan perniagaannya ialah RM1,487,500

Keperluan:

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan

- a) Jadual kos pelaksanaan projek (10 markah)
- b) Jadual sumber pembiayaan projek (4 markah)
- c) Sediakan jadual susutnilai bagi mesin dan peralatan untuk 3 tahun (6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

